



TERMA DAN SYARAT PENYERTAAN

1. Penyertaan adalah **PERCUMA**.
2. Terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia.
3. Mestilah mempunyai Kelab Keusahawanan, Kelab Usahawan Muda atau Koperasi Sekolah melebihi dari satu (1) tahun.
4. Setiap sekolah dibenarkan menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan dan pasukan yang dianggotai seramai tiga (3) orang ahli dan satu (1) orang guru pembimbing. Setiap penyertaan yang dihantar adalah daripada kumpulan yang berlainan.
5. **Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya ada pihak sekolah yang membawa pelajar tambahan iaitu melebihi daripada jumlah ahli yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.**
6. Setiap idea atau produk yang dihasilkan mestilah asli atau produk sedia ada yang telah dibuat penambahbaikan. Idea atau produk yang pernah memenangi mana-mana pertandingan adalah tidak layak untuk menyertai pertandingan ini.
7. Sekiranya sebarang maklumat yang diberikan oleh peserta didapati tidak menepati syarat, pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaannya.
8. Setiap idea atau produk yang dihasilkan adalah hakmilik peserta. Peserta mestilah membenarkan Sekretariat 'SME Bank Y-Biz Challenge' menggunakan produk tersebut bagi tujuan promosi sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
9. Perlindungan idea atau produk (akta perlindungan Harta Intelek) adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan sekiranya ada mana-mana pihak yang meniru idea atau produk peserta untuk dibangunkan secara tidak sah tanpa pengetahuan penganjur, ia adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab.
10. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan dokumen atau produk sebelum, semasa dan selepas penyertaan.
11. Setiap pasukan yang terpilih dikehendaki menghadiri tiga (3) peringkat seperti berikut:
 - a. Peringkat Awal
 - Juri akan membuat penilaian dan memilih 20 pasukan yang layak berdasarkan kertas cadangan projek yang dihantar.

b. Peringkat Separuh Akhir / Boot camp

- 20 pasukan dikehendaki menghadiri sesi boot camp selama 3 hari 2 malam.
- 20 pasukan perlu membuat pembentangan rancangan perniagaan dan juga membawa produk yang berfungsi untuk dinilai oleh panel juri.
- Panel juri akan memilih 10 pasukan yang layak untuk ke peringkat seterusnya.
- Semua kos pengangkutan untuk membawa produk hendaklah ditanggung oleh pihak sekolah.

c. Peringkat Akhir & Mailis Penyampaian Hadiah

- 10 pasukan yang terpilih dikehendaki membuat pembentangan di hadapan panel juri mengenai pelaksanaan perniagaan dan hasil jualan produk.

12. **Setiap sekolah hendaklah melengkapkan borang penyertaan yang boleh diperolehi daripada laman web www.yoursuccessourstory.com. Borang penyertaan dan kertas cadangan projek yang telah lengkap hendaklah dihantar menerusi laman web yang telah diberikan sebelum atau pada tarikh tutup penyertaan.**